



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (5)
Tarikh : 10 September 2023

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau / Kunak / Semporna / Lahad Datu.

Tuan/Puan,

PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) MEMPERKEMASKAN PENYELENGGARAAN DATA INDUK PELANGGAN MODUL ACCOUNT RECEIVABLE (AR) DAN TINDAKAN PEMURNIAN DATA SECOND VALIDATION

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas surat edaran **BPOPP BILANGAN 7 TAHUN 2023** bertarikh **12 September 2023** adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Garis Panduan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023 - Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan bertarikh 4 April 2023, fasa pemurnian data telah dilaksanakan secara berperingkat oleh Pejabat Perakaunan bagi beberapa nombor pendaftaran entiti iaitu *Employee (EMP)*, Nombor Tentera (*NOTE*), *Payee Non Supplier (PANS)*, eBantuan, eCOURT dan INSIST. **Bagi pemurnian data selanjutnya adalah melibatkan Maklumat Data Induk Pelanggan di Modul Account Receivable (AR).** Maklumat Data Induk Pelanggan merupakan data yang diwujudkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi tujuan pengeluaran invoice / resit deposit atau bagi menyelenggara Pelanggan berulang. Pelaksanaan *Second Validation* turut melibatkan Maklumat Data Induk Pelanggan Modul AR bagi Bayaran Balik Deposit kepada pelanggan yang menggunakan nombor pendaftaran entiti seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), NOTE, Others Dalam Negeri (ODN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Persekutuan (PER), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

3. Berdasarkan kepada semakan awal ke atas Maklumat Data Induk Pelanggan, terdapat maklumat nama dan nombor pendaftaran entiti yang tidak dikunci masuk dengan tepat oleh PTJ. Justeru, surat edaran ini dikeluarkan bagi tujuan :

- i. Pejabat Perakaunan memperkemaskan tindakan PTJ dalam penyelenggaraan Data Induk Pelanggan di Modul AR; dan
- ii. Tatacara Penyelenggaraan Maklumat Data Induk Pelanggan Di Modul AR

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (5)
Tarikh : 20 September 2023

4. Proses pemurnian Data Induk Pelanggan di Modul AR hendaklah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat termasuk penerima Bayaran Balik Deposit bagi memastikan maklumat Penerima Bayaran di iGFMAS adalah sama dan tepat dengan maklumat Penerima Bayaran di sistem bank. Ini bagi memastikan tiada penolakan *Electronic Fund Transfer* (EFT) semasa pembayaran kelak. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan :

- i. **Lampiran 1 : Tatacara Penyelenggaraan Maklumat Data Induk Pelanggan Di Modul AR**
- ii. **Manual Pengguna AR - Modul Akaun Terimaan**
- iii. **Lampiran excel : Data Induk Pelanggan Modul AR (Batch 1 sehingga 5)** bagi tujuan pemurnian data oleh PTJ yang terlibat (akan dikemukakan kepada PTJ secara berperingkat)

5. Kerjasama dan komitmen daripada PTJ dalam memastikan penyelenggaraan Maklumat Data Induk Pelanggan Modul AR adalah tepat dan memberikan maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan bagi melancarkan pelaksanaan *Second Validation* amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Memperkasakan Budaya Inovasi Digital'

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMMAD AIMAN BIN OMAR)

Timbalan Pengarah Operasi

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau